

Doa Pendekat Jodoh Dari Surah Yusuf

Anda masih bujang? Masih mencari pasangan hidup yang terbaik? Amalkan **Doa Pendekat Jodoh dari Surah Yusuf Ayat 4** ini. Memang doa tersebut memiliki keistimewaan yang luar biasa dan diyakini dapat untuk mencari jodoh, memikat hati wanita atau lelaki serta disayangi masyarakat sekeliling.

Ayat dari Surah Yusuf ini juga adalah **ayat pengasih** bertujuan untuk mengeratkan hubungan suami isteri, anak-anak, ahli keluarga, rakan taulan dan sahabat handai. Setiap kali bertemu dengan siapa sahaja yang anda kehendaki, maka bacalah di dalam hati kedua ayat di bawah di hadapannya. Dengan izin-Nya, anda akan mendapat hasil yang diinginkan.

Doa Nabi Yusuf Untuk Mencari Jodoh Terbaik

Perlu diingatkan bahawa untuk mengamalkannya anda haruslah membersihkan hati dengan niat yang tulus serta ikhlas. InsyaAllah anda akan mendapatkan jodoh yang terbaik.

Bacaan Surah Yusuf Ayat-4

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ
وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ ﴿٤﴾

Idz qaala yusufu li abiihi yaa abati inni ra aitu ahada' asyara kaukabauw wasy syamsa wal qamara ra aituhum lii sajdin

Maksud dan Terjemahan:

Ingatlah Yusuf berkata ayahnya "Wahai ayahku, sesungguhnya aku bermimpi melihat sebelas bintang, matahari, bulan semua bersujud kepadaku (QS : surat yusuf ayat 4).

Bacaan Surat Taha Ayat 39

أَنْ أَقْدِفِيهِ فِي التَّابُوتِ فَأَقْدِفِيهِ فِي الْيَمِّ فَلْيُلْقِهِ الْيَمُّ بِالسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوُّ
لِي وَعَدُوُّ لَهُ، وَالْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةٌ مِّنِّي وَلِنُصْنَعَ عَلَى عَيْنِي ﴿٣٩﴾

Wa alqaytu 'alayka mahabbatan minnii walitushna'a'laa 'ainii

Maksud & Terjemahannya

Dan aku telah melimpahkan padamu kasih sayang yang datang dariku. Supaya kamu di asuh di bawah pengawasaanku (QS : Taha ayat 39).

Tata Cara Mengamalkannya

1. Niatkan dalam hati dengan tujuan yang baik.
2. Bacalah kedua-dua ayat Al Qur'an di atas (Surah Yusuf Ayat-4 dan Surah Taha Ayat-39) lalu diamalkan saat ketika sesudah mandi ataupun selesai berwudhuk. Kemudian tiupkan pada kedua telapak tangan dan sapukan pada wajah. InsyaAllah anda akan kelihatan lebih mempesona di hadapan lawan jenis sehingga dapat mencari jodoh di inginkan.
3. Bacalah kedua-dua ayat ini sebanyak 3 kali setiap kali selepas selesai solat lima waktu.

Akhir kata, kita sememang digalakkan berdoa memohon apa yang dihajati, namun tidak semestinya semua hajat kita akan diperkenankan oleh Allah SWT kerana hanya Dia yang lebih mengetahui apa yang terbaik untuk kita. Oleh itu janganlah kita merasa hampa jika doa kita tidak dimakbulkan. Mungkin Allah SWT hendak menggantikan dengan sesuatu yang lebih baik.

Sesungguhnya, apa yang baik itu datang daripada Allah SWT dan setiap yang terjadi itu adalah atas kehendak-Nya jua.

Semoga bermanfaat!